

1103/2
BAHASA MELAYU
Kertas 2
2 jam 30 minit

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2024

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi tiga bahagian: **Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.***
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 markah]

- 1 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan empat kata adjektif perasaan. Kemudian bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata adjektif perasaan tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan tersebut sebagai peribahasa atau kata nama khas.*

Isu pencemaran sungai hingga menjejaskan gangguan bekalan air telah menyebabkan hampir lima juta penduduk di Selangor dan Kuala Lumpur berasa sedih akan impaknya. Kelemahan penguatkuasaan undang-undang mengenai kepentingan penjagaan kebersihan sungai telah menjadikan pihak yang tidak bertanggungjawab ini semakin hari semakin berani untuk terus melakukan tindakan negatif ini. Sikap sesetengah pihak yang suka membuang sampah di merata-rata tempat terus menjadikan masyarakat semakin kecewa dengan kumpulan ini. Dunia semakin tua, alam semakin sayu dan tidak berseri. Jangan sampai alam menjadi marah, kelak menyesal kemudian hari.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Penjara Mandatori Pesalah Alam Sekitar'
oleh Mahfuz Mohamad ,
Kosmo, 18 September 2020

[8 markah]

- 2 *Baca dialog di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan nyatakan ayat yang bergaris sama ada ayat permintaan, ayat suruhan, ayat silaan atau ayat larangan.*

- Ahmad : Hai, Solihin. (i) Silalah duduk di kerusi itu sementara saya menyelesaikan kerja pemberian makanan kepada udang galah ini. (ii) Lap dulu kerusi itu dengan kain buruk ini.
- Solihin : Terima kasih. (iii) Jangan susah-susah kerana saya. Udang peliharaan kamu nampak menjadi.
- Ahmad : Memang menjadi jika dipelihara dengan betul. Saya perlu memberinya makan empat kali sehari. (iv) Usah dikurangkan makanannya kerana boleh menjejaskan tumbesaran udang.
- Solihin : Saya tumpang gembira dengan kejayaan kamu hari ini. (v) Haraplah suatu hari nanti kamu diiktiraf sebagai penternak yang berjaya.
- Ahmad : Terima kasih, Solihin. (vi) Ambil udang ni bawa balik ke rumah dan suruh isteri kamu masak.
- Solihin : Terima kasih kembali. Semoga murah rezeki kamu.

[6 markah]

[Lihat halaman sebelah]

- 3 *Bahan-bahan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin bahan-bahan tersebut.*

Bahan 1

Pertanian intensif merupakan pertanian moden yang menggunakan bukan baja organik dan bahan kimia kawalan serangga. Kawalan secara meluas telah menaikkan hasil pengeluaran dan melindungi tanaman daripada serangga perosak. Pertanian moden ini berkembang selari dengan kemajuan industri dan teknologi baharu dalam pertanian. Pertanian secara intensif terbukti berjaya meningkatkan pengeluaran makanan sesebuah negara atau rantau. Pada Sidang Kemuncak Akuakultur Global 2017, industri akuakultur memainkan peranan penting dalam memastikan bekalan makanan mencukupi untuk kesihatan, memandangkan jumlah penduduk-penduduk dunia diramalkan mencecah 9.7 billion menjelang 2050. Menurut Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), pengeluaran hasil akuakultur di Malaysia meningkat 3.5 kali ganda berbanding tahun 2000 ke 2010.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Penternakan Pintar Pemangkin Hasil Lumayan'
oleh Hoe Han Goh & Syarul Nataqain Baharum,
Berita Harian, 6 Ogos 2022

[6 markah]

Bahan 2

Daripada	irfanzani07@gmail.com
Kepada	hishamali@gmail.com
Subjek	Penternakan ayam piru
Assalamualaikum sahabat. Apa khabar? Maafkan saya kerana telah lama tidak mengiriskan e-mel kepada awak. Untuk pengetahuan awak, kini saya sedang berjinak jinak dalam bidang penternakan ayam piru. Saya bercadang mempelawa awak untuk menyertai projek penternakan ini kerana banyak faedah yang akan penternak nikmati. Antara faedahnya ialah harga jualan ayam piru lebih mahal berbanding daging ayam. Untuk musim pertama, ayam piru dijangka akan menghasilkan antara 50 hingga 120 buah telur. Ayam piru boleh ditenak dalam kawasan terbuka atau reban. Kebiasaannya, permintaan pembeli akan meningkat khususnya pada musim beraya. Adakah awak berminat dengan pelawaan daripada saya? Saya menantikan balasan e-mel dari awak. Sahabatmu, Irfan	

[5 markah]

[Lihat halaman sebelah]

- 4 *Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

Setelah empat puluh dua tahun lamanya Sultan Muzaffar Syah di atas kerajaan, maka baginda pun mangkatlah. Maka anakanda baginda yang bernama Raja Abdullah itulah menggantikan kerajaan ayahanda baginda, gelar baginda di atas kerajaan, Sultan Mansur Syah, umur baginda tatkala naik raja itu dua puluh tujuh tahun. Dan baginda beristerikan anak Seri Nara Diraja yang bernama Tun Putih Nur Pualam; dan ada beranak dengan gundik baginda seorang perempuan bernama Puteri Bakal. Ada pun Sultan Mansur Syah itu terlalu baik parasnya, serta dengan adilnya lagi pemurah; seorang pun raja-raja di dalam alam ini tiada sepertinya pada zaman itu.

Dipetik daripada ‘Burung Terbang Dipipiskan Lada’
dalam *Antologi Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

- 5 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian senaraikan **dua peribahasa** yang sesuai dengan situasi dalam petikan tersebut.*

“Nenek tidak menyangka cucu nenek iaitu Mariam dan Malek akan bersikap begini. Mereka langsung tidak menghargai segala pengorbanan nenek selama ini. Semenjak mereka berjawatan tinggi di sebuah syarikat terkenal di Kuala Lumpur, mereka jarang-jarang pulang ke kampung menjenguk nenek. Dahulu mereka pernah berjanji akan menjaga nenek apabila nenek sudah tua dan uzur. Nenek percaya akan janji mereka itu. Rupa-rupanya mereka berbohong,” luahan Nek Salmah kepada Siti Hajar.

“Sabarlah Nek Salmah. Jangan bersedih lagi. Sebagai manusia biasa, cucu-cucu Nek Salmah tentunya tidak terlepas daripada melakukan kesilapan. Sekarang Nek Salmah berehatlah, jangan lupa makan ubat yang doktor beri supaya demam Nek Salmah cepat sembuh,” pujuk Siti Hajar kepada jirannya yang sedang bersedih itu.

[4 markah]

[Lihat halaman sebelah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

[35 markah]

- 6 Baca semua bahan yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Melihat keadaan sekarang, ramai graduan terjejas teruk dan kebanyakannya terpaksa mengambil jalan dengan memulakan perniagaan demi sesuap nasi. Mereka menjadikan perniagaan sebagai pilihan terakhir, sekadar minat atau menjadikan perniagaan sebagai kerjaya yang penting. Hal ini dikatakan demikian kerana cabaran besar yang dihadapi oleh graduan ialah pengurusan kewangan. Cabaran dan ketidakpastian ekonomi pada masa ini menuntut mereka untuk memikirkan keputusan semula, memulih dan membuat penambahbaikan berterusan dalam mengurus kewangan. Hakikatnya, platform perniagaan digital bukan sahaja dapat mendorong graduan menjadi lebih proaktif dalam mencari peluang tetapi juga membolehkan lebih ramai golongan muda berupaya mencipta produk berinovasi dan bekerja sendiri.

Dipetik dan diubah suai daripada
‘Perniagaan Bukan Pilihan Kerjaya Terakhir’

oleh Intan Syazlina Md Ali,
Dewan Masyarakat, 18 Februari 2022

Bahan 2

Keusahawanan digital menjadi topik perbualan popular mutakhir ini, lebih-lebih lagi pada saat penularan Covid-19. Banyak perniagaan tidak dapat beroperasi secara fizikal, kedai dan restoran pula terpaksa ditutup. Pemilik perniagaan perlu berfikir kaedah mempelbagaikan perniagaan serta mengalihkan kaedah berinteraksi dengan pelanggan melalui perniagaan digital. Ekonomi digital gelombang baharu mampu mewujudkan pelbagai peluang perniagaan dan pekerjaan, sekali gus meningkatkan pendapatan rakyat secara menyeluruh termasuk di luar bandar. Banyak peluang baharu dapat diteroka dan dicipta, contohnya penghantaran atau *e-hailing* yang semakin popular. Untuk itu, usahawan perlu *mengubah minda* bahawa kelangsungan perniagaan pascapandemik tidak seharusnya ada modal besar, bahkan tidak memerlukan kedai fizikal.

Dipetik dan diubah suai daripada
“Manfaatkan Ekonomi Digital Jadi Usahawan Alaf Baharu”

oleh Prof Madya Dr Noor Azuan Hashim,
Berita Harian, 24 Julai 2020

[Lihat halaman sebelah]

Bahan 3


- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud *mengubah minda*. [2 markah]
- (ii) Dengan merujuk **semua bahan**, nyatakan punca-punca perniagaan dalam talian menjadi kerjaya pilihan pada masa ini. [4 markah]

- (iii) Perniagaan dalam talian merupakan satu medium perniagaan yang lebih mudah diuruskan berbanding penjualan produk dan perkhidmatan di kedai fizikal atau secara tradisional.

Pada pendapat anda, apakah cabaran kerjaya keusahawanan dalam talian?

[3 markah]

- (iv) Harith memilih untuk menjadi seorang usahawan sebagai kerjaya pilihannya. Namun begitu, cabaran yang dihadapinya ialah dia terpaksa menanggung risiko yang besar sebelum memperoleh keuntungan.

Sebagai seorang rakan yang prihatin, cadangkan usaha-usaha yang boleh dilakukan oleh Harith untuk meningkatkan keuntungannya.

[4 markah]

[Lihat halaman sebelah]

- 7 Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Selama ini, Puan Miskiah cukup senang berjiran dengan Dewi. Dia tidak pernah keberatan untuk menolong Dewi. Kalau Dewi pulang lambat dan hari nampak seperti hendak hujan, dialah yang menolong Dewi mengangkat pakaiannya di ampaian. Kalau sesekali Dewi pulang ke Kuantan selama beberapa hari, Puan Miskiah jugalah yang ringan tulang menolongnya dengan menyiramkan pokok-pokok bunga di rumah Dewi. Dia juga menolong Dewi dengan mengawasi rumah jirannya itu agar sentiasa berada dalam keadaan yang selamat.

Sekarang, begini pula balasan Dewi terhadap segala kebaikan yang ditaburnya selama ini. Puan Miskiah mengetap bibir. Dia bukan mahu bermusuhan dengan jiran tetangga.

Dipetik dan diubah suai daripada
cerpen " Budi Semangkuk Daging"
antologi *Harga Sebuah Lukisan*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Bahan 2

Pantun Semangat Kejiranan

Rendang sungguh si pohon beringin,
Tempat bermain si anak dara;
Janganlah dihapus sikap prihatin,
Semoga hidup kekal sejahtera.

Pergi ke kuala mencari lokan,
Tersalah langkah terkena jerat;
Tolong-menolong kita kekalkan,
Moga ukhuwah bertambah erat.

Mudik ke hulu memukat ikan,
Mudik bersama teman rohani;
Bekerjasama perlu diamalkan,
Negara aman kekal harmoni.

Tenunan songket indah bertekak,
Songket ditenun berbenang suasa;
Hidup berjiran harus muafakat,
Pasti rakyat hidup selesa.

Hazami,
2023,
Kuantan

[Lihat halaman sebelah]



Bahan 3

Gurindam Hidup Berjiran

Jika kamu masam kepada jiran,
Di situlah mula bercelaru fikiran.

Jika prasangka bermaharajalela,
Di situlah permusuhan akan bermula.

Jika permusuhan tidak dipadam,
Di situlah nanti menyala dendam.

Jika tangan dihulur kepada jiran,
Di situlah kerja berat menjadi ringan.

Jika sombong sanggup direndah,
Di situlah bermula hidup yang indah.

Jika hubungan sentiasa dipererat,
Di situlah kehidupan menjadi berkat.

Azahar Bin Bahari
Teluk Intan

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud rangkai kata *kekal harmoni*.
[2 markah]
- (ii) Dengan merujuk **semua bahan**, nyatakan tanggungjawab seseorang dalam memupuk semangat kejiranan.
[4 markah]
- (iii) Jiran ialah orang yang tinggal berdekatan dengan rumah atau tinggal setempat. Namun, terdapat segelintir masyarakat yang mengabaikan semangat kejiranan.

Pada pendapat anda, apakah halangan-halangan yang menyebabkan semangat kejiranan sukar dipupuk dalam kalangan masyarakat?

[3 markah]

- (iv) Program gotong-royong perdana akan diadakan di kawasan perumahan anda. Gotong-royong ini diadakan bertujuan mencantikkan kawasan perumahan di tempat tinggal anda.

Sebagai salah seorang ahli persatuan penduduk, nyatakan cadangan-cadangan yang boleh diambil untuk memastikan program ini mendapat sambutan daripada penduduk di kawasan anda.

[3 markah]

[Lihat halaman sebelah]

8 Jawapan bagi soalan yang berikut hendaklah berdasarkan novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

- (i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Apa khabar?” Rosman menghulurkan tangannya untuk bersalaman. Lelaki itu menyambut tangan Rosman dengan senyum lebar.

“Khabar baik, jemput masuk,” dia mempersilakan mereka bertiga masuk ke dalam rumah. Lelaki itu kemudiannya mempersilakan mereka untuk duduk di ruang tamu yang terdapat beberapa buah kerusi rotan yang disusun menyerong. Farisha dan Rosman memerhatikan keadaan sekeliling. Dinding ruang menunggu itu dihias dengan beberapa buah lukisan abstrak. Tiada pendingin hawa yang terpasang di situ tetapi udaranya nyaman seperti ada bayu bukit yang menerobos masuk. Apabila mereka mendongak memerhati siling, jelas kelihatan rumah itu dipasang atap membran yang mampu membebaskan udara panas keluar dan menyejukkan ruang di dalam rumah. Farisha dan Rosman duduk bersandar manakala Aqram berdiri tegak di sebelah lelaki yang menyambut mereka tadi.

Dipetik daripada novel *Di Sebalik Dinara*,
oleh Dayang Noor,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Berdasarkan petikan di atas, nyatakan ciri-ciri keadaan rumah yang dikunjungi oleh Farisha, Rosman dan Aqram.

[4 markah]

- (ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib
- b) Di Sebalik Dinara, karya Dayang Nor
- c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin
- d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- e) Songket Berbenang Emas, karya Khairuddin Ayip
- f) Tirani, karya Beb Sabariah
- g) Silir Daksina, karya Nizar Parman
- h) Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Berdasarkan **dua buah** novel yang anda pelajari, huraikan satu peristiwa yang menunjukkan kepentingan ilmu dalam kehidupan bagi setiap novel.

[6 markah]

[Lihat halaman sebelah]

BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 Markah]

- 9 Baca dan teliti **setiap bahan** yang diberikan, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.

Bahan 1

Perkembangan teknologi pada zaman ini telah memberi pelbagai impak kepada generasi muda hari ini sama ada impak positif mahupun negatif. Antara aktiviti Internet yang paling popular di Malaysia adalah dengan menyertai rangkaian sosial termasuklah permainan secara dalam talian. Keadaan ini telah menjadikan pelbagai aktiviti riadah dan permainan tradisional yang menjadi sebahagian daripada aktiviti yang sering dilakukan oleh generasi terdahulu semakin terpinggir.

Kajian yang dilakukan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia mendapati bahawa 83.2 peratus pengguna Internet terdiri daripada kanak-kanak yang berumur 5 hingga 17 tahun. Keadaan ini membuktikan bahawa generasi muda lebih selesa untuk menghabiskan masa dengan bermain permainan dalam talian seperti *Candy Crush*, *Mobile Legend* dan *Player Unknown's Battlegrounds (PUBG)* berbanding permainan congkak, batu seremban, tuju selipar dan galah panjang. Hal ini dikatakan demikian kerana bermain permainan tradisional perlu menggunakan banyak tenaga sehingga menyebabkan badan menjadi cepat berpeluh. Selain itu, kebanyakan permainan tradisional tidak boleh dimainkan sendirian berbanding permainan secara dalam talian. Hakikatnya, permainan tradisional boleh berperanan untuk mengelakkan kebergantungan kepada telefon pintar secara berlebihan. Tanpa kita sedar, permainan moden tersebut mempunyai banyak kesan negatif sama ada dari segi mental mahupun fizikal.

Permainan tradisional juga dianggap ketinggalan zaman oleh generasi muda kerana majoriti generasi muda dibekalkan dengan telefon pintar yang mempunyai pelbagai permainan yang boleh diakses dengan mudah. Situasi ini menjadikan generasi muda berasa malu untuk bermain permainan tradisional serta lebih memilih untuk bermain permainan dalam talian sahaja. Secara umumnya, permainan tradisional bukan sekadar berfungsi sebagai hiburan, bahkan bermanfaat untuk kecerdasan rohani dan jasmani. Sebagai contohnya, permainan tarik upih dapat meningkatkan kekuatan fizikal diri kerana permainan ini memerlukan seseorang itu untuk menarik dan berlari sambil memegang upih. Permainan tradisional juga merupakan salah satu aktiviti yang dapat meningkatkan semangat kerjasama dalam kalangan masyarakat terutamanya bagi generasi muda kerana sifat permainan tradisional yang kebanyakannya perlu dimainkan secara berpasangan atau berkumpulan. Sehubungan dengan itu, generasi muda haruslah memelihara budaya ini agar permainan tradisional ini tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas.

Dipetik dan diubah suai daripada
 “Kecaknaan Generasi Muda tentang Permainan Tradisional”
 oleh Julaiha Yunus,
 Dewan Masyarakat, 29 Disember 2022

[Lihat halaman sebelah]

Bahan 2**Pantun Permainan Tradisional**

Cincin warisan berbatu permata,
Tampak berseri diukir-ukir;
Baling tin, seremban permainan kita,
Warisan tradisi semakin terpinggir.

Cantik kain baju kebaya,
Elok buatan kain sutera;
Marilah bermain sepak raga,
Badan sihat hidup sejahtera.

Masak lemak ikan kerisi,
Nasi ditanak jangan berangan;
Congkak gasing mainan tradisi,
Kini menjadi tarikan pelancongan.

Bermain congkak di pesta keramaian,
Menang berganda seronoklah sakan;
Nilai murni dipupuk dalam mainan,
Sabar menunggu giliran rakan.

Haslina MH
30 Julai 2024
Muar, Johor

**Bahan 3**

1103/2

[Lihat halaman sebelah]

SULIT

Seronok betul bermain congkak ni tetapi generasi hari ini jarang-jarang didedahkan dengan keistimewaan permainan tradisional sehingga mereka gagal mengenali budaya sendiri.

Ya, saya setuju. Selain itu, terlalu kurang penganjuran pertandingan permainan tradisional oleh pihak-pihak bertanggungjawab juga menyebabkan permainan tradisional seperti ini semakin lesu di bumi sendiri.



KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

